Malaysian Journal of Syariah and Law
مجلة الشريعة والقانون بماليزيا

Vol. 13, No. 3, pp. 780-796 | DECEMBER 2025
DOI: https://doi.org/10.33102/mjsl.vol13no3.764

PEMBUBARAN PERKAHWINAN BAGI NIKAH SYUBHAH YANG DIRAGUI

DISSOLUTION OF MARRIAGE OF DOUBTFUL MARRIAGE (NIKAH SYUBHAH) CASES

[i,*]Muhammad Mustaqim Roslan & [i]Ainul Mardhiah Zabidi

[i]Faculty of Islamic Studies and Social Science, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Article history:
Submission date: 15 March 2024
Received in revised form: 29 October 2024
Acceptance date: 3 October 2025
Available online: 31 December 2025

Keywords:
Illegitimate child, psychological burden, nikah syubhah (marriage under doubtful circumstances), dissolution of marriage, premature, anak tidak sah taraf, beban psikologi, nikah syubhah, pembubaran perkahwinan, pramatang

Funding:
This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:
The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:
Roslan, M. M., & Zabidi, A. M. (2025). Pembubaran perkahwinan bagi nikah syubhah yang diragui: Dissolution of marriage of doubtful marriage (nikah syubhah) cases. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, *13*(3), 780-796. https://doi.org/ 10.33102/mjsl.vol13no3.764

Ethics approval:
Due to the absence of a formal Institutional Review Board (IRB) or Research Ethics Committee at the time of the study, ethical oversight was managed through administrative clearance from Faculty of Islamic Studies & Social Sciences, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). The research protocols were internally audited to ensure strict compliance with the Malaysian Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR) and the ethical principles outlined in the Declaration of Helsinki. Furthermore, informed consent was obtained from all participants, and the researchers ensured that no sensitive personal identifiers were disclosed in the findings to maintain the highest standards of data confidentiality and participant anonymity.

© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

The issue of marriage dissolution arising from *nikah syubhah* (doubtful marriage) is not unfamiliar within Malaysian society. This includes cases involving the annulment of marriages berween two siblings who were married under the guardianship of their older brother, who was classified as an *Anak Tak Sah Taraf* (ATST) (child born out of wedlock). However, the brother's status as an ATST was determined solely by comparing his birth date with the date of their parent's marriage, which was less than six months apart. Despite the fact that his birth was premature, as confirmed by their living mother, the religious officer insisted on his illegitimacy and ordered the annulment of the marriages. Accordingly, this article aims to analyse the status of a premature-born guardian in Islamic law and the implications of marriage dissolution in doubtful cases of *nikah syubhah*. This study adopts an interpretive philosophy and employs a case study as its research strategy. A qualitative research design was used, combining document analysis and semi-structured interviews involving the affected individuals, psychologists, and psychiatrists. The data obtained were analysed using thematic content analysis. The findings indicate that the case does not, in fact, involve a valid *nikah syubhah* as sensationalised by the officials, but rather a dispute concerning the doubtful status of *syubhah* itself. Although the elder brother who served as the guardian (*wali*) in this case was born prematurely, less than six months after the solemnisation of his parents' second marriage, he is still classified as a legitimate child according to Islamic law. As a result of this negligence, all parties involved experienced psychological burdens such as depression and emotional distress, with 17 symptoms identified. In conclusion, the relevant authorities must take a more serious stance in addressing attitudes of complacency, negligence, and lack of responsibility at all levels of governance, particularly within government departments that manage Islamic affairs. Further research is required to evaluate the extent to which the principle of *tabayyun* (verification) is applied by the court in handling such cases.

ABSTRAK

Isu pembubaran perkahwinan akibat pernikahan syubhah bukanlah perkara asing dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Hal ini termasuklah kes pembubaran perkahwinan yang melibatkan dua pasangan adik-beradik yang dinikahkan oleh abang mereka sebagai wali, walaupun beliau diklasifikasikan sebagai anak tidak sah taraf (ATST). Namun begitu, pengesahtarafan status ATST abang tersebut hanyalah dibuktikan melalui perbandingan tarikh kelahirannya dengan tarikh pernikahan ibu bapa mereka yang kurang daripada tempoh enam bulan. Sedangkan kelahirannya adalah pramatang dan telah diperakui oleh saksi hidup iaitu ibunya sendiri. Walau bagaimanapun, pegawai agama yang bertugas tetap menegaskan status ATST dan mengarahkan pembubaran perkahwinan. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis status pengesahtarafan wali kelahiran pramatang menurut hukum syarak dan kesan-kesan pembubaran perkahwinan bagi nikah syubhah yang diragui. Kajian ini berteraskan falsafah interpretatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes sebagai strategi penyelidikan. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif dengan menggabungkan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur yang melibatkan mangsa keadaan, pakar psikologi serta pakar psikiatri. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen secara tematik. Hasil kajian mendapati bahawa isu ini sebenarnya bukanlah berkaitan dengan nikah syubhah seperti yang digembar-gemburkan oleh pegawai bertugas, sebaliknya hanya melibatkan keraguan terhadap status syubhah tersebut. Meskipun abang yang menjadi wali dalam kes ini dilahirkan secara pramatang, iaitu kurang daripada enam bulan dari waktu akad nikah kedua ibu bapanya, beliau tetap dikategorikan sebagai anak yang sah taraf menurut hukum syarak. Kesan daripada kecuaian ini, semua pihak yang terlibat mengalami beban psikologi seperti kemurungan dan tekanan emosi dengan 17 gejala yang telah dikenal pasti. Tuntasnya, pihak berwajib perlu lebih serius menangani sikap sambil lewa, kecuaian dan kurang rasa tanggungjawab dalam semua peringkat urus tadbir, khususnya di jabatan kerajaan yang mengurus hal ehwal Islam. Kajian lanjutan diperlukan bagi menilai sejauh mana konsep *tabayyun* diaplikasikan oleh pihak mahkamah dalam menangani kes-kes seumpama ini.

Pengenalan

Nikah syubhah adalah pernikahan fasad, rosak dan tidak sah yang telah disepakati oleh jumhur ulama sebagai pernikahan yang tidak diiktiraf syarak (Soleh, 2013). Kesan daripada nikah syubhah ini, maka lahirnya anak-anak yang berstatus anak wati syubhah (AWS) dan keadaan ini pastinya menimbulkan pelbagai persoalan kepada anak-anak yang menyedari status mereka. Walaupun nasab mereka tidak dipertikaikan, anak-anak yang tidak bersalah ini sedikit sebanyak turut terkesan dengan stigma masyarakat apabila digelar AWS setelah meningkat dewasa.

Perkara ini berpunca daripada dua kes nikah syubhah melibatkan dua pasangan adik beradik yang terpaksa dibubarkan setelah diketahui bahawa pernikahan mereka suatu ketika dahulu adalah tidak sah (Saniah, 2022). Kes pertama adalah bernombor 10023-042-XXXX-2022 melibatkan pasangan pertama iaitu Informan Satu (R1) sebagai suami dan Informan Dua (R2) sebagai isteri; manakala kes kedua, juga bernombor 10023-042-XXXX-2022 melibatkan pasangan kedua iaitu Informan Tiga (R3) sebagai suami dan Informan Empat (R4) sebagai isteri. Kedua-dua kes ini telah dibicarakan di hadapan hakim Syarie pada 24 November 2022 di Mahkamah Rendah Syariah (Tetuan Nur & Muim Farhana, 2022). Mahkamah telah membubarkan perkahwinan kedua-dua pasangan tersebut setelah dikenal pasti oleh hakim bahawa pernikahan mereka adalah syubhah. Setelah itu, isteri bagi kedua-dua pasangan tersebut diperintahkan menjalani iddah selama tiga kali suci, dan anak-anak yang dilahirkan sebelum ini bertukar status serta merta sebagai AWS (Saroji, 2022).

Menurut al-Zuhaili (2007), antara punca terjadinya AWS ialah kesilapan dalam persetubuhan yang disangka dilakukan dengan isterinya sendiri, akad pernikahan yang rosak seperti tanpa wali yang sah, pernikahan tanpa saksi, serta nikah *mutʿah* berdasarkan pendapat Ibn Abbas yang mengharuskannya. Adapun dalam kes ini, isu nikah syubhah yang telah disabitkan mahkamah ke atas kedua-dua pasangan tersebut adalah berpunca daripada perwalian yang tidak sah (Tetuan Nur & Muim Farhana, 2022). Hal ini adalah kerana, wali yang telah digunakan dalam akad nikah tersebut, iaitu abang sulung mereka, diklasifikasikan sebagai anak tidak sah taraf (ATST). Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) telah menentukan status ketidaksahtarafan abang mereka apabila adik bongsu mereka ingin melangsungkan akad nikah. Berdasarkan perbandingan antara tarikh pernikahan ibu bapa mereka dan tarikh lahir

abangnya, maka PAID memaklumkan bahawa abangnya tidak layak menjadi wali pernikahan kerana statusnya sebagai ATST.

Namun begitu, menurut R1, kedua-dua pasangan tersebut telah menjelaskan kepada pegawai PAID bahawa abang mereka dilahirkan secara pramatang pada 23 September 1985, iaitu kira-kira lima bulan selepas tarikh pernikahan ibu bapa mereka pada 20 April 1985. Kelahiran pramatang tersebut telah menyebabkan abang mereka diletakkan di dalam inkubator di hospital sehingga mencapai tahap tumbesaran yang matang seperti kelahiran anak-anak yang lain. Setelah mendengar penjelasan ini, pegawai PAID menasihati kedua-dua pasangan untuk membuat permohonan ke Mahkamah Rendah Syariah supaya membubarkan perkahwinan mereka, dan mahkamah telah memutuskan pembubaran tersebut pada 24 November 2022.

Kes ini telah menimbulkan dua persoalan utama. Pertama, apakah status wali, iaitu abang sulung mereka, tetap dianggap ATST dalam hukum syarak sedangkan kelahirannya diklasifikasikan sebagai pramatang dan bukan dari hasil perzinaan? Kedua, sejauh manakah siasatan dilakukan ke atas dokumen-dokumen kelahiran wali sebelum dikategorikan sebagai ATST?

Sekiranya pengesahtarafan abang sulungnya itu hanya berdasarkan perbandingan antara tarikh kelahirannya dengan tarikh pernikahan ibu bapa mereka sahaja, maka beliau sudah pasti diklasifikasikan sebagai ATST. Namun, terdapat pengakuan daripada ibu mereka bahawa kelahiran tersebut adalah pramatang dan bukan dari hasil perzinaan. Agama Islam tidak mengajar umatnya untuk menjatuhkan hukum secara tergesa-gesa tanpa penyiasatan yang teliti terhadap pihak yang disyaki bersalah. Hal ini bertepatan dengan firman Allah (SWT) yang bermaksud:

> Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.
>
> (Surah al-Hujurat, 49:6)

Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menganalisis status pengesahtarafan wali bagi kelahiran pramatang menurut hukum syarak serta meneliti kesan-kesan pembubaran perkahwinan dalam kes nikah syubhah yang diragui. Kajian ini penting bagi memastikan status pernikahan bagi kedua-dua kes tersebut dapat diperhalusi dengan jelas sebelum tindakan pembubaran dilaksanakan. Sekiranya status wali tidak disemak dengan teliti, maka nikah syubhah boleh berlaku dan membawa pelbagai implikasi, bukan sahaja kepada pasangan yang terlibat, tetapi juga terhadap anak-anak yang mungkin bertukar status sebagai AWS. Namun, sekiranya siasatan mendalam membuktikan wali tersebut sah, maka tidak timbul isu pernikahan mereka sebagai nikah syubhah, dan tidak ada keperluan untuk pembubaran.

Sehubungan itu, artikel ini akan meneliti dua persoalan utama. Pertama, apakah status pengesahtarafan wali yang dilahirkan dalam keadaan pramatang iaitu kurang daripada enam bulan kelahiran? Kedua, apakah kesan-kesan pembubaran perkahwinan yang berlaku bagi nikah syubhah yang diragui?

Sorotan Literatur

Kajian terdahulu berkaitan ATST, AWS dan isu faraq perkahwinan memperlihatkan penekanan terhadap dimensi undang-undang, kehakiman, sosial serta perkembangan sains. Walaupun demikian, analisis silang mendapati bahawa perbincangan masih berlaku dalam kerangka yang belum bersepadu secara substantif, sekali gus menyebabkan pemahaman terhadap isu kompleks berkaitan perwalian kelahiran pramatang, pernikahan syubhah dan faraq perkahwinan belum diperhalusi secara menyeluruh.

Kajian oleh Hashim *et al.,* (2021) menegaskan bahawa peruntukan keterangan Islam dalam penentuan nasab masih bersifat umum dan kurang menyokong keputusan kehakiman secara menyeluruh, menimbulkan persoalan tentang ketegasan asas normatif perundangan. Sebaliknya, Abdul Mutalib *et al.,* (2021) menunjukkan kecenderungan mahkamah terhadap fleksibiliti mazhab demi maslahah. Walaupun pendekatan ini pragmatik, ia membuka ruang variasi tafsiran yang boleh mencabar konsistensi perundangan, terutama dalam kes melibatkan status wali yang sensitif. Kedua-dua kajian ini saling

melengkapi dari sudut keperluan keseimbangan antara teks dan ijtihad, namun masing-masing masih terhenti pada isu nasab tanpa meneroka kedudukan wali dalam kes kelahiran pramatang yang turut melibatkan unsur syubhah dan kemungkinan pembubaran perkahwinan.

Dari sudut pelaksanaan dan kefahaman masyarakat, dapatan Wan Ismail *et al.,* (2018) menonjolkan faktor kecetekan ilmu perwalian ATST serta kelemahan modul kursus perkahwinan dan aspek penguatkuasaan, menunjukkan wujudnya jurang pendidikan dan institusi sejak tahap awal pembentukan keluarga. Sementara itu, kajian oleh Muhammad *et al.,* (2021) melaporkan penerimaan masyarakat terhadap ATST semakin positif meskipun stigma sosial masih wujud. Penemuan ini mencerminkan bahawa penerimaan sosial tidak semestinya diterjemah kepada kefahaman hukum yang sahih, malah boleh mencetuskan kekeliruan dalam pengaplikasian undang-undang jika tidak disokong oleh mekanisme pendidikan dan bimbingan institusi. Secara kritikal, kedua-dua kajian menyorot elemen pendidikan dan persepsi, namun masih belum menyediakan model pengoperasian yang jelas untuk menangani situasi perwalian yang melibatkan kelahiran pramatang, khususnya apabila faktor syubhah dan implikasi faraq turut wujud secara serentak.

Selain itu, Hazni (2023) menggesa penilaian semula ketetapan enam bulan kehamilan sebagai bersifat ijtihad berdasarkan perkembangan sains moden, sejajar dengan dapatan Musa *et al.,* (2023) yang meneliti prosedur pendaftaran kelahiran kurang enam bulan qamariyyah dan ketegangan antara peraturan syariah dan sivil. Kedua-dua kajian ini memperkukuh keperluan membawa pertimbangan saintifik dalam wacana fiqh kontemporari, namun pendekatan mereka masih bersifat umum dan lebih memfokuskan isu nasab serta pentadbiran pendaftaran kelahiran, tanpa menyentuh secara langsung mekanisme penentuan wali dalam konteks kelahiran pramatang. Sementara itu, kajian Ahyar (2021) yang meneliti perwalian dalam kes nikah syubhah menekankan keperluan berhati-hati dalam memutuskan status wali, namun tidak memperluas perbincangan kepada kes kelahiran pramatang atau situasi apabila pembubaran perkahwinan menjejaskan aturan wali.

Secara keseluruhannya, wacana sedia ada telah membincangkan aspek nasab, maslahah kehakiman, penyelarasan institusi, hujah saintifik dan isu syubhah secara terpisah. Namun, sorotan kritikal mendapati bahawa perbincangan tersebut belum membentuk satu model integratif yang dapat memandu pengesahan wali dalam kes kelahiran pramatang yang terhasil daripada nikah syubhah serta implikasi pembubarannya. Oleh itu, pengkaji mendapati masih belum terdapat kajian khusus yang membincangkan secara mendalam isu pengesahan wali bagi kelahiran pramatang serta kesan-kesan pembubaran perkahwinan dalam kes nikah syubhah, sekali gus menegaskan keperluan kajian ini dalam memperkukuh kefahaman akademik dan garis panduan praktikal dalam kerangka perundangan keluarga Islam.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi memastikan objektif serta matlamat penyelidikan tercapai. Oleh itu, kajian ini telah disusun dengan strategi yang rapi bagi mendapatkan maklumat dan data melalui tiga pendekatan utama, iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Roslan, 2023). Kajian ini berteraskan falsafah interpretatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes sebagai strategi utama penyelidikan. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif yang menggabungkan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan tiga kategori utama sampel, iaitu mangsa keadaan, pakar psikologi dan pakar psikiatri. Pemilihan ketiga-tiga kategori sampel ini bertujuan untuk memperkukuh dapatan berkaitan kesan-kesan pembubaran perkahwinan dalam kes nikah syubhah yang diragui.

Gabungan kedua-dua kaedah pengumpulan data ini bertujuan memastikan data-data yang dikumpulkan mencapai tahap kesahan (*validity*) yang tinggi bagi menjawab objektif serta persoalan kajian. Pendekatan ini menunjukkan bahawa kajian telah menggunakan teknik triangulasi, iaitu dengan menggabungkan dua atau lebih kaedah kutipan data untuk meneliti tingkah laku manusia (Cohen *et al.,* 2000). Setelah memperoleh data dokumen dan data temu bual, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan semula dalam proses menganalisis data-data tersebut, di mana hasilnya dikategorikan mengikut pendekatan tematik. Secara dasarnya kajian ini telah menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan sekunder. Data primer adalah merujuk kepada data dokumen yang diperoleh daripada al-Quran dan al-Sunnah, temu bual separa berstruktur bersama semua mangsa keadaan, pakar psikologi dan pakar psikiatri. Manakala data

sekunder pula diperoleh daripada buku-buku ilmiah, tesis pascasiswazah, artikel-artikel jurnal dan kertas-kertas persidangan.

Dalam kajian kualitatif, saiz sampel atau bilangan informan yang ditemu bual bukanlah aspek utama, kerana tiada satu peraturan khusus dalam menentukan saiz sampel (Patton, 2002). Hal ini kerana kajian kualitatif tidak bertujuan untuk membuat generalisasi terhadap populasi, tetapi lebih menumpukan kepada penerokaan fenomena secara mendalam (Creswell, 2002). Berikut adalah enam informan kajian yang terdiri daripada empat orang mangsa keadaan dan dua orang pakar ditemu bual untuk mendapatkan data terperinci:

Jadual 1. Senarai Informan yang ditemu bual (Adaptasi daripada rajah Yusof (2016))

Bil.	Kod	Informan		Bil.	Kod	Informan
1.	R1	Mangsa 1 (Suami Pasangan 1)		5.	In5	Pakar Psikologi
2.	R2	Mangsa 2 (Isteri Pasangan 1)		6.	In6	Pakar Psikiatri
3.	R3	Mangsa 3 (Suami Pasangan 2)				
4.	R4	Mangsa 4 (Isteri Pasangan 2)				

Pelepasan etika telah diperoleh melalui kebenaran pentadbiran di peringkat organisasi, dan prinsip persetujuan maklum sentiasa diutamakan bagi memastikan kebajikan responden terpelihara.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Konsep anak tidak sah taraf dan anak wati syubhah

Secara etimologi, anak tidak sah taraf (ATST) disebut sebagai *walad al-zinā*, yang bermaksud anak zina atau anak luar nikah. Istilah ini merujuk kepada seorang anak yang dilahirkan hasil daripada persetubuhan tanpa pernikahan yang sah. Anak tersebut hanya dinasabkan kepada ibunya, bukan kepada lelaki yang telah menyetubuhi ibunya (Qal'aji, 2000).

Manakala dari sudut terminologi, konsept ATST ditakrifkan secara berbeza oleh para fuqaha, fatwa dan peruntukan undang-undang. Menurut Shalabiy (1999), ATST ialah anak yang terhasil daripada hubungan jenis antara lelaki dan perempuan tanpa akad pernikahan yang sah di sisi hukum syarak, atau hasil hubungan terlarang (*zinā*) antara lelaki dan perempuan. Justeru, kesahtarafan seorang anak hanya boleh diiktiraf sekiranya pernikahan antara kedua-dua ibu bapanya sah di sisi hukum syarak.

Takrifan ATST juga dapat dilihat menerusi *sighah* fatwa yang diwartakan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor (2005) seperti berikut:

i. Anak yang dilahirkan tanpa nikah sama ada hasil daripada zina, rogol atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum syarak.

ii. Anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan dua *lahzah qamariyyah* dari waktu "*Imkān al-dukhūl"*, dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhah.

iii. Anak yang dilahirkan lebih daripada enam bulan dua *lahzah qamariyyah* dari segi waktu "*imkān al-dukhūl*" selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau empat orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syarak.

Sementara itu, persetubuhan syubhah atau *waṭ'i syubhah* ialah hubungan jenis di antara lelaki dan perempuan yang bukan suami isteri, namun tidak dikategorikan sebagai perbuatan zina (Yusof *et al.,* 2015). Ia merujuk kepada persetubuhan yang dilakukan dalam keadaan pernikahan yang disangkakan sah, sedangkan akad pernikahan tersebut tidak sah di sisi syarak kerana wujud keraguan tertentu. Sebagai contoh, seorang lelaki menyetubuhi seorang wanita dengan sangkaan wanita tersebut ialah isterinya. Termasuk dalam kategori *waṭ'i syubhah* juga ialah persetubuhan yang berlaku dalam pernikahan berdasarkan akad yang rosak di sisi mazhab Syafi'i tetapi dianggap sah menurut mazhab lain, seperti pernikahan tanpa saksi atau nikah tanpa wali (Al-Zuhaili, 2007).

Implikasi daripada *waṭ'i syubhah* ialah pasangan tersebut hendaklah dipisahkan (*faraq*), namun lelaki tersebut tidak dikenakan hukuman hudud. Sekiranya lahir anak daripada *waṭ'i syubhah*, anak tersebut dinamakan sebagai *anak wati syubhah* (AWS). Anak ini boleh dinasabkan kepada bapa biologinya kerana hukum *waṭ'i syubhah* adalah seumpama hukum nikah *fasid* (Al-Jazari, 2003).

Berdasarkan kedua-dua takrifan ini, jelas bahawa ATST dan AWS merupakan dua istilah yang berbeza dari segi pengertian dan kesan-kesan hukum. ATST merujuk kepada anak hasil hubungan tanpa sebarang akad pernikahan yang sah, manakala AWS pula lahir daripada pernikahan yang disangka sah namun sebenarnya tidak memenuhi syarat sah pernikahan menurut hukum syarak.

Analisis Status Pengesahtarafan Wali Kelahiran Pramatang menurut Hukum Syarak

Islam menetapkan tiga kaedah utama dalam pensabitan nasab seseorang anak, iaitu melalui *firāsh* (hubungan suami isteri dalam pernikahan yang sah), *iqrār* (pengakuan) dan *bayyinah* (keterangan). Pensabitan nasab melalui jalan *firāsh* merupakan kaedah yang paling utama dalam mensabitkan nasab seorang anak (Syamma', 1995).

Asas perbincangan mengenai pengesahtarafan wali bertitik tolak daripada isu kesahtarafan seorang anak. Hal ini kerana apabila nasab seseorang anak disabitkan secara sah, maka sabitlah juga segala hak yang berkaitan dengannya seperti hak perwalian, nafkah, pewarisan dan hadhanah.

Pensabitan nasab melalui *firāsh* berasaskan kepada hadis nabi (SAW) yang bermaksud:

> Terjemahan: Anak itu dinasabkan kepada lelaki yang mempunyai *al-firāsh* (hamparan iaitu perkahwinan atau pemilikan hamba), manakala lelaki yang berzina akan mendapat *al-ḥajar* (kekecewaan, yakni tidak mendapat nasab anak itu.
>
> (Al-Bukhari, 2001, Hadis 6818)

Berdasarkan hadis di atas, pensabitan nasab berlaku melalui jalan pernikahan yang sah. Apabila pernikahan disabitkan, maka sabitlah juga nasab terhadap anak yang lahir daripadanya. Namun begitu, bukan semua pernikahan boleh menjadi asas kepada pensabitan nasab (Ismail, 2013).

Menurut perbincangan para fuqaha, dakwaan berlakunya pernikahan hendaklah memenuhi beberapa syarat, antaranya ialah suami berkemampuan untuk menghamilkan isterinya, isteri pula munasabah untuk hamil dan melahirkan anak, serta tempoh persetubuhan yang berlaku berada dalam lingkungan adat yang munasabah antara kedua-dua pasangan. Hal ini kerana istilah *al-firāsh* dalam hadis di atas merujuk kepada isteri yang disetubuhi (Al-Zuhaili, 2007). Namun begitu, mazhab Hanafi berbeza pandangan dengan menilai tempoh enam bulan hanya dari tarikh akad semata-mata tanpa mengambil kira kemungkinan berlakunya persetubuhan (Al-Kasani, 2003).

Seterusnya, jumhur fuqaha menetapkan bahawa tempoh minimum kelahiran bagi mensabitkan nasab ialah sekurang-kurangnya enam bulan dua *laḥzah qamariyyah* daripada tarikh pernikahan, dan tidak melebihi empat tahun (Dhawiyyan, 2007). Asas pandangan ini merupakan hasil *al-jamʿ* (kompromi) antara dua ayat al-Quran: Surah Al-Ahqaf ayat 15 dan Surah Luqman ayat 14. Ayat pertama menyatakan bahawa tempoh kandungan dan penyusuan ialah 30 bulan, manakala ayat kedua menetapkan penyusuan selama 24 bulan (dua tahun). Apabila tempoh penyusuan ditolak daripada jumlah 30 bulan, baki enam bulan menjadi asas kepada tempoh minimum kehamilan menurut fuqaha (Al-Sarakhsiy, 1989).

Bagi tempoh maksimum kehamilan selama empat tahun, pandangan ini dipegang oleh mazhab Syafi'i berdasarkan riwayat bahawa terdapat wanita daripada suku kaum '*Ajlān* yang mengandung selama empat tahun (Noor, 2018).

Islam melarang penafian nasab secara sewenang-wenangnya kerana tindakan itu menafikan hak seorang anak untuk memiliki bapa dan keturunan yang sah (Abdul Mutalib & Sawan, 2023). Anak yang dilahirkan selepas enam bulan atau dalam masa empat tahun daripada tarikh pernikahan hanya boleh dinafikan kesahtarafannya melalui kaedah *liʿān* (Ibn Qudamah, 1969). *Liʿān* ialah sumpah yang diucapkan oleh suami ketika menuduh isterinya berzina (Al-Khin *et al.,* 1996). Dalam konteks undang-undang keluarga Islam di Malaysia, perlaksanaan *liʿān* hendaklah dilakukan dengan mengangkat sumpah di hadapan Hakim Syarie (Azziz *et al.,* 2021).

Anak yang lahir daripada persetubuhan dalam pernikahan *fasid* pula boleh dinasabkan kepada bapa sekiranya dilahirkan sekurang-kurangnya enam bulan selepas akad pernikahan ibu bapanya. Jika anak tersebut dilahirkan kurang daripada tempoh tersebut, dia tidak boleh dinasabkan kepada bapa kecuali apabila bapa membuat pengakuan bahawa anak itu adalah merupakan anaknya dan bukan hasil zina (Al-Sartawiy, 1997). Pendekatan ini bertujuan menolak kemungkinan bahawa wanita tersebut telah mengandung sebelum bernikah (Ibrahim & Mohamed Hashim, 2015).

Namun begitu, bagi kes kelahiran bayi pramatang, iaitu anak yang dilahirkan dalam pernikahan yang sah tetapi sebelum mencapai tempoh minimum enam bulan dua *laḥzah qamariyyah*, jumhur fuqaha bersepakat bahawa keadaan ini tidak termasuk dalam kategori ATST. Menurut Ikmal Hisham (2013), tempoh enam bulan dua *laḥzah* biasanya merujuk kepada kelahiran normal. Walau bagaimanapun,tidak mustahil terdapat kes kelahiran bayi pramatang yang berlaku sebelum tempoh tersebut tetapi masih dapat diselamatkan.

Sebagai contoh, bayi yang dilahirkan dengan berat sekitar 700 gram mungkin berusia kurang daripada enam bulan kandungan. Kelahiran pramatang sedemikian boleh berpunca daripada pelbagai faktor seperti jangkitan penyakit pada ibu dan faktor kesihatan lain. Bayi seperti ini lazimnya perlu ditempatkan dalam inkubator bagi tempoh tertentu untuk pemantauan perubatan. Persoalan yang timbul ialah: adakah bayi tersebut dianggap sebagai ATST hanya kerana kelahirannya kurang daripada enam bulan *qamariyyah*?

Menurut Zaidan (1994), jika seorang lelaki mengakui bahawa anak tersebut adalah anaknya tanpa menyatakan bahawa anak itu adalah hasil perbuatan zina, maka anak tersebut boleh dinasabkan kepadanya berdasarkan ketetapan hukum di dunia.

Perbahasan mengenai syarat-syarat perwalian telah dijelaskan secara meluas oleh para fuqaha. Wali merupakan individu yang memiliki hak dan autoriti untuk membuat keputusan serta mengawal urusan pihak lain (Al-Khin *et al.,* 1996; Rohmat, 2017). Dalam konteks pernikahan, wali bermaksud individu yang berkuasa melaksanakan akad pernikahan terhadap wanita di bawah jagaannya, selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh hukum syarak (Al-Zuhaily, 2007). Wali merupakan salah satu rukun nikah, dan tanpa wali, pernikahan dianggap tidak sah (Khalilurrahman *et al.,* 2022; Wan Ismail *et al.,* 2018).

Pendapat ini telah disepakati oleh jumhur ulama berdasarkan hadis Rasulullah (SAW) yang bermaksud:

> Terjemahan: Mana-mana wanita yang bernikah tanpa izin walinya, maka nikahnya batal, maka nikahnya batal, maka nikahnya batal. Jika lelaki itu menyetubuhinya, maka dia berhak mendapat maharnya sebagai ganti daripada apa yang telah dihalalkan daripada kemaluannya. Sekiranya mereka berselisih, maka sultan ialah wali bagi mereka yang tiada wali.
>
> (Al-Tirmizi, 1975, Hadis 1102)

Isu wali yang dilahirkan secara pramatang boleh difahami melalui penerapan *kaedah kulliyyah "al-yaqīn lā yuzālu bi al-shakk"* yang bermaksud keyakinan tidak hilang dengan sebab keraguan. Kaedah ini menjelaskan bahawa sesuatu hukum yang telah sabit tidak akan terangkat semata-mata kerana sangkaan lemah yang tidak disokong oleh dalil yang kukuh. Hukum asal kekal sehingga datang dalil yang setaraf untuk menafikannya. Allah (SWT) berfirman yang bermaksud:

> Terjemahan: Dan kebanyakan mereka tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (*iktiqad*). Sesungguhnya Allah Maha mengetahui akan apa yang mereka lakukan.
>
> (Surah Yunus, 10:36)

Prinsip ini berasaskan dalil *istiṣḥāb*, iaitu sesuatu perkara dianggap kekal sebagaimana asalnya sehingga ada bukti yang pasti mengubahnya. Keyakinan yang kuat tidak boleh dihapuskan hanya dengan keraguan yang lemah (An-Nadwi, 1993). Oleh itu, dakwaan pegawai PAID bahawa abang yang menjadi wali kepada dua adik perempuannya adalah ATST merupakan dakwaan baharu yang memerlukan pembuktian.

Pada asalnya, abang tersebut dilahirkan hasil pernikahan yang sah antara kedua ibu bapanya, dan beliau juga dibinkan kepada ayah kandungnya. Justeru, hak nasab berdasarkan *firāsh* kekal padanya. Oleh itu, abang yang berperanan sebagai wali bagi dua adiknya kekal berstatus anak sah taraf sehingga dibuktikan sebaliknya. Penafian nasab tidak boleh hanya berasaskan perbandingan tarikh kelahiran dengan tarikh pernikahan ibu bapa mereka semata-mata tanpa siasatan lanjut yang adil.

Hal ini juga selari dengan kaedah *al-aṣl baqā' mā kāna 'alā mā kāna*, yang bermaksud "sesuatu itu kekal sebagaimana keadaan asalnya". Kaedah ini menegaskan bahawa apa yang telah sabit pada masa lalu hendaklah dianggap kekal sehingga wujud bukti yang mengubahnya (Al-Bahusayn, 2011). Dalam konteks ini, abang yang menjadi wali kekal sebagai anak sah taraf berdasarkan fakta kelahiran yang sah serta pengakuan ibu bahawa beliau dilahirkan secara pramatang, bukan dari hasil perzinaan.

Sehubungan itu, tindakan pegawai PAID menasihati pasangan untuk terus memohon pembubaran perkahwinan adalah tidak wajar. Isu yang sepatutnya disiasat terlebih dahulu ialah status kesahtarafan wali tersebut, bukan membubarkan perkahwinan secara terburu-buru.

Islam melarang penafian nasab keturunan kerana penasaban merupakan tunjang kepada kehormatan dan maruah manusia. Mengklasifikasikan bayi pramatang sebagai ATST akan menafikan hak-hak lain seperti hak perwalian, pewarisan dan lain-lain. Hal ini selari dengan kaedah *al-tābi' tābi',* yang bermaksud "yang mengikut tidak terpisah daripada yang diikuti".

Menurut Ibn Nujaym (1999), kaedah ini bermaksud sesuatu yang mengikuti hukum asal akan mengambil hukum yang sama dengan perkara yang diikutinya. Dengan erti kata lain, *al-tābi'* dan *al-matbū'* tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Melalui kaedah ini, dapat disimpulkan bahawa bapa biologilah yang menjadi *al-tābi'*, manakala anak hasil hubungan yang sah ialah *al-matbū'* (Kasa, 2019).

Justeru, seorang anak yang dilahirkan hasil daripada persetubuhan yang halal adalah harus dinasabkan kepada bapa biologinya. Jika *al-tābi'* (bapa) itu halal melalui pernikahan yang sah, maka *al-matbū'* (anak) juga halal dan mendapat hak penuh sebagai anak sah taraf. Dalam konteks ini, bayi yang dilahirkan secara pramatang berhak menjadi wali kerana pada hakikatnya beliau dinasabkan kepada ayah kandungnya melalui pernikahan yang sah.

Analisis kesan-kesan pembubaran perkahwinan bagi nikah syubhah yang diragui

Nikah syubhah merupakan akad pernikahan yang disangka sah oleh pasangan kerana telah memenuhi kesemua rukun dan syaratnya, namun pada hakikatnya akad tersebut tidak sah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Takrifan ini turut disokong oleh Soleh (2013), yang mendefinisikan nikah syubhah sebagai pernikahan *fasad* (rosak dan tidak sah), yang telah disepakati oleh jumhur ulama bahawa pernikahan itu batal dan tidak diiktiraf syarak. Antara faktor utama menyebabkan sesuatu akad pernikahan itu tidak sah ialah ketiadaan wali yang sah atau kecacatan pada salah satu rukun pernikahan.

Menurut Seksyen 11 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, sesuatu pernikahan adalah tidak sah melainkan jika telah dipenuhi semua syarat yang perlu menurut hukum syarak bagi menjadikannya sah. Sekiranya berlaku kecacatan pada akad pernikahan, maka ia tergolong sebagai nikah syubhah dan memerlukan kepada pembubaran perkahwinan (Abd Ralip, 2011; Rifqi *et al.,* 2015).

Namun begitu, pernikahan antara kedua-dua pasangan dalam kes yang dibincangkan bukanlah termasuk dalam kategori nikah syubhah sebagaimana yang telah dihuraikan oleh pengkaji. Hal ini kerana kesemua rukun dan syarat pernikahan telah dipenuhi dengan sempurna, temasuk isu perwalian yang dipertikaikan oleh pihak PAID atas alasan ATST. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa dakwaan pegawai PAID terhadap status wali adalah tidak berasas dan status pernikahan tersebut sebenarnya sah di sisi hukum syarak.

Adalah tidak wajar bagi mana-mana pegawai agama membuat dakwaan ketidaksahtarafan wali tanpa menjalankan penyiasatan yang menyeluruh, apatah lagi mengarahkan kedua-dua pasangan tersebut untuk memohon pembubaran perkahwinan di mahkamah. Kecuaian pegawai PAID dalam meneliti semua dokumen dan maklumat berkaitan sebelum membuat dakwaan terhadap wali nikah sebagai ATST adalah satu bentuk pengabaian yang serius dan menjadi tuduhan yang melampau. Tindakan ini bertentangan

dengan konsep *tabayyun* yang digariskan dalam Islam, sebagaimana firman Allah (SWT) yang bermaksud:

> Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain.
>
> (Surah Al-Hujurat, 49:12)

Dalil ini menunjukkan betapa pentingnya memastikan kebenaran sesuatu maklumat sebelum membuat sebarang pertuduhan. Menurut Ibn Jarir (1987), *tabayyun* bermaksud menangguhkan penyebaran sesuatu maklumat atau berita sehingga diketahui hakikat dan kesahihannya. Selain itu, Ibnu Kathir (2008) pula menegaskan bahawa kegagalan melaksanakan *tabayyun* boleh membawa kepada pembohongan dan kesilapan dalam menjatuhkan hukum.

Dalam konteks ini, pegawai PAID yang gagal menjalankan penyiasatan terperinci sebelum membuat dakwaan telah mengabaikan prinsip *tabayyun* dalam pengurusan hal ehwal agama. Kecuaian sedemikian bukan sahaja menjejaskan integriti institusi agama, bahkan boleh menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat terhadap kewibawaan pihak berkuasa agama Islam. Seperti yang telah dinyatakan oleh Al-Maraghi (1974), seseorang tidak seharusnya membuat tuduhan melainkan setelah menyelidik dan memastikan kebenaran sesuatu perkara.

Akibat daripada kecuaian tersebut, banyak pihak telah terkesan dengan pembubaran perkahwinan yang diklasifikasikan secara tidak wajar sebagai nikah syubhah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pasangan telah mengalami kesan psikologi yang ketara selepas diarahkan oleh PAID untuk membubarkan pernikahan mereka. Menurut Informan 1 (komunikasi peribadi, April 15, 2023), sikap pegawai yang sambil lewa, tidak bertanggung jawab dan bermudah-mudah dalam urusan pembubaran perkahwinan telah menambahkan beban emosi kepada mereka. Informan 2 (komunikasi peribadi, April 18, 2023) pula menyatakan bahawa tiada sebarang siasatan lanjut dijalankan terhadap status wali sebelum mereka diarah untuk memfailkan permohonan pembubaran. Situasi ini diibaratkan seperti "sudah jatuh, ditimpa tangga", dan menyebabkan tekanan yang amat mendalam.

Istilah 'kesan psikologi' terdiri daripada dua patah perkataan, iaitu 'kesan' dan 'psikologi', yang masing-masing membawa maksud tersendiri. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2012). 'kesan' merujuk kepada tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu atau bekas, sama ada baik atau buruk, hasil daripada sesuatu kejadian, keadaan, perbuatan, tindakan tertentu. Manakala 'psikologi' pula, menurut William James (1890) ialah sains tentang kehidupan mental yang menekankan aspek subjektif yang tidak dapat diukur melalui deria manusia. Istilah ini berasal daripada bahasa Yunani: '*psyche'* yang bermaksud jiwa atau rohani, dan '*logos'* yang bermaksud kajian (Bahadin, 2019).

Tyerman (2003) dalam bukunya '*Psychological Effects of Brain Injury'* menjelaskan bahawa kesan psikologi merangkumi aspek kognitif, tingkah laku, emosi serta kesan terhadap keluarga, pekerjaan dan sosial seseorang individu.

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat dua kesan psikologi utama yang dialami oleh keempat-empat informan akibat pembubaran perkahwinan, iaitu 'kemurungan' dan 'tekanan emosi'. Dapatan ini sejajar dengan penemuan Mustaffa dan Abd Rahim (2012) dalam artikel mereka yang bertajuk "Kesan Psikologi dan Bentuk Sokongan Anak Deraan Seksual", yang mengenal pasti tiga kesan utama iaitu kemurungan, tekanan emosi dan trauma. Walaupun kajian mereka berfokus kepada mangsa dera seksual, tema kesan psikologi yang dibincangkan tetap relevan dalam konteks kajian ini (Muhammad Sharif & Nur Diyana 2012). Dalam kes ini, trauma tidak dikenal pasti sebagai kesan utama yang dialami oleh informan.

Kajian ini telah meletakkan kedua-dua bentuk kesan psikologi tersebut di bawah satu tema besar iaitu 'masalah kesihatan mental'. Hal ini kerana, berdasarkan pandangan salah seorang pakar psikologi (In5) yang telah ditemu bual (komunikasi peribadi, Mac 23, 2023), kemurungan merupakan sebahagian masalah kesihatan mental yang berlaku dalam kes-kes tertentu. Selain itu, tekanan emosi juga mempunyai kaitan rapat dengan masalah kesihatan mental. Morstt and Furst (1979) menjelaskan bahawa tekanan ialah

suatu keadaan yang dipengaruhi oleh gangguan mental dan emosi yang boleh menimbulkan ketegangan apabila seseorang gagal menanganinya dengan baik.

Perlu diperhatikan bahawa masalah kesihatan mental dan penyakit mental merupakan dua istilah yang berbeza dan tidak digunakan secara bertukar ganti. Menurut Firdaus (2013), individu yang normal mungkin mengalami masalah kesihatan mental dari semasa ke semasa, namun masih lagi berupaya menjalani aktiviti seharian seperti biasa. Sebaliknya, individu yang mengalami penyakit mental akan menunjukkan gangguan fungsi seharian yang ketara. Oleh yang demikian, dapatlah difahami bahawa kesihatan mental itu mencerminkan tahap kesejahteraan pemikiran dan emosi seseorang individu. Sekiranya seseorang mengalami gangguan kesihatan mental, keseimbangan emosi dan rasionalnya akan terganggu. Berdasarkan dapatan ini, kajian ini mengklasifikasikan kemurungan dan tekanan emosi sebagai komponen di bawah tema 'masalah kesihatan mental', seperti dirumuskan dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1. Dapatan Umum bagi Kesan Psikologi yang dihadapi oleh Empat Orang Mangsa Keadaan Selepas Pembubaran Perkahwinan menurut Yusof (2016))



Rajah 1 di atas menunjukkan dapatan umum berkaitan kesan psikologi yang dihadapi oleh empat orang mangsa keadaan selepas berlakunya pembubaran perkahwinan. Kedua-dua kesan psikologi, iaitu masalah kemurungan dan tekanan emosi, berada di bawah satu tema induk: masalah kesihatan mental. Perbincangan berikut menghuraikan kedua-dua kategori tersebut secara terperinci, bermula dengan kemurungan diikuti tekanan emosi. Huraian disokong oleh kenyataan tiga sampel kajian: pakar psikologi, pakar psikiatri, serta mangsa-mangsa keadaan yang terlibat dalam pembubaran perkahwinan.

Kemurungan

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), 'kemurungan' ialah keadaan apabila seseorang mengalami rasa kecewa dan putus asa, disertai gejala seperti sukar tidur, lembap berfikir, serta rasa bersalah yang keterlaluan dan tidak sepadan dengan kesalahan yang dilakukan. Sehubungan itu, kemurungan turut difahami sebagai gejala yang menurunkan prestasi normal individu, misalnya melambatkan aktiviti psikomotor atau mengurangkan fungsi intelektual (Salleh & Kadir, 2014).

Dalam kajian ini, 10 gejala kemurungan telah dikenal pasti dialami mangsa keadaan selepas pembubaran perkahwinan, iaitu: sukar menumpukan perhatian, sering marah, kesukaran tidur, hilang selera makan, kurang keyakinan diri, bersendirian, kurang bercakap, rendah diri, sering termenung dan hilang fokus. Kesemua gejala ini turut disahkan oleh pakar psikiatri. Menurut pakar psikiatri:

> Yang *you* senaraikan tu adalah gejala-gejala kemurungan ataupun ada juga gejala kurang praktik. *So* itu bergantung pada individu, kita kena nilai seseorang itu dalam dirinya baru kita tahu apakah masalah mental yang dialaminya. Tapi memanglah itu semua gejala kemurungan. *So* kalau dia murung dia adalah semua tu.
>
> (In6, komunikasi peribadi, 7 April 2023)

Tekanan Emosi

Tekanan emosi terbentuk daripada gabungan konsep: 'tekanan' dan 'emosi'. Morstt & Furst (1979), mentakrifkan 'tekanan' sebagai keadaan yang dipengaruhi gangguan mental dan emosi, yang mewujudkan ketegangan apabila situasi tidak mampu ditanggung oleh tubuh badan. Sementara itu, 'emosi' merujuk kepada bangkitan perasaan dalaman hasil tindak balas terhadap sesuatu perkara, pengalaman atau peristiwa, misalnya takut, marah, kecewa, gembira, suka dan kasih sayang (Al-Najati, 1993).

Oleh itu, tekanan emosi boleh difahami sebagai keadaan yang tegang dan tidak selesa akibat gangguan emosi akibat yang berpunca daripada peristiwa di luar kemampuan individu. Md. Sham (2005) turut mentakrifkan tekanan emosi sebagai keadaan tertekan dari sudut emosi akibat peristiwa, pengalaman atau bebanan tugas yang melampaui kemampuan. Berdasarkan temu bual bersama kesemua sampel kajian, tujuh gejala tekanan emosi dikenal pasti: sedih dan menangis, bimbang, kecewa, hilang semangat, jiwa kosong, mudah terasa dan memberontak. Dapatan ini selari dengan Richard (1993) yang membezakan set emosi positif (kasih sayang, cinta, kegembiraan dan ketenangan) dan set negatif (marah, cemburu, takut, keluh kesah, sedih, dengki dan benci), dengan tekan emosi berpusat kepada emosi yang negatif.

Dapatan khusus bagi kedua-dua masalah kesihatan mental yang berada di bawah kesan psikologi dirumuskan seperti dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2. Dapatan Khusus bagi Kesan Psikologi yang dihadapi oleh Empat Orang Mangsa Keadaan Selepas Pembubaran Perkahwinan

No.	Kesan Psikologi: Kemurungan & Tekanan Emosi	Informan Kajian				Jumlah Sampel yang Bersetuju
		R1	R2	R3	R4	
1.	Sukar Menumpukan Perhatian	/	/	/	/	4
2.	Sering Marah	/	/	/	/	4
3.	Kesukaran Tidur	/	/	/	/	4
4.	Hilang Selera Makan	/	/	/	/	4
5.	Kurang Keyakinan Diri	/	/	/	/	4
6.	Bersendirian	/	/	/	/	4
7.	Kurang Bercakap	/	/	/	/	4
8.	Rendah Diri	/	/	/	/	4
9.	Sering Termenung	/	/	/	/	4
10.	Hilang Fokus	/	/	/	/	4
1.	Sedih & Menangis	/	/	/	/	4
2.	Bimbang	/	/	/	/	4
3.	Kecewa	/	/	/	/	4
4.	Hilang Semangat	/	/	/	/	4
5.	Jiwa Kosong	/	/	/	/	4
6.	Mudah Terasa	/	/	/	/	4
7.	Memberontak	/	/	/	/	4

Jadual 2 menunjukkan bahawa keempat-empat mangsa keadaan daripada kedua-dua pasangan yang diminta memohon pembubaran perkahwinan mengalami masalah kesihatan mental yang sangat kritikal. Semua informan menunjukkan gejala kemurungan dan tekanan emosi yang melampau. Bagi kemurungan, 10 gejala yang dialami ialah: sukar menumpukan perhatian, sering marah, kesukaran tidur, hilang selera makan, kurang keyakinan diri, bersendirian, kurang bercakap, rendah diri, sering termenung dan hilang fokus. Bagi tekanan emosi, tujuh gejala yang dikenal pasti ialah: sedih dan menangis, bimbang, kecewa, hilang semangat, jiwa kosong, mudah terasa dan memberontak. Penemuan ini turut disokong oleh dokumen-dokumen daripada pegawai kesihatan bertugas pada 18 Mei 2023 yang direkodkan oleh Unit Psikologi dan Kaunseling, Pejabat Kesihatan Daerah (Humaira, 2023).

Antara gejala yang paling menonjol bagi kemurungan ialah ‘sukar menumpukan perhatian’. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), ‘sukar’ bermaksud tidak mudah, sulit dan susah; ‘menumpukan’ bererti memberi sokongan kepada sesuatu, menolong, menumpu, menyokong dan menunjang; manakala ‘perhatian’ ialah hasil memerhatikan. Istilah ‘sukar menumpukan perhatian’ sering dikaitkan dengan *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD), iaitu pola kurang tumpuan, hiperaktif dan impulsif (Karunia & Cahyanti, 2016). Menurut pakar psikiatri (In6) (komunikasi peribadi, April 7, 2023), gejala ini berbeza antara individu kerana dipengaruhi konteks situasi masing-masing. Sejalan dengan itu, semua informan (R1, R2, R3 dan R4) melaporkan kesukaran menumpukan perhatian dalam tiga situasi utama: di tempat kerja, bersama keluarga dan kesan terhadap diri sendiri.

Menurut Informan 1 (komunikasi peribadi, April 15, 2023), beliau sukar menumpukan perhatian dalam mesyuarat di tempat kerja sehingga tidak mendengar isu-isu penting dan gagal memberikan maklum balas, sedangkan pekerjaannya memerlukan beliau membuat keputusan yang berkaitan dengan keselamatan data syarikat. Beliau juga jarang mendengar cerita anak-anak di sekolah kerana sering termenung selepas kejadian tersebut berlaku. Selain itu, beliau menjadi pelupa sehingga pembacaan buku yang ringkas dan tontonan filem pendek di televisyen mengambil masa berhari-hari untuk dihabiskan kerana kehilangan fokus.

Menurut Informan 2 (komunikasi peribadi, April 18, 2023), beliau merupakan seorang suri rumah dan sering hilang tumpuan, khususnya dalam menguruskan hal rumah tangga serta urusan anak-anak. Anak-anak beliau sering lambat ke sekolah kerana beliau kerap terleka dan tidur pada waktu yang tidak sepatutnya setelah memikirkan kejadian yang berlaku. Selain itu, beliau juga kehilangan fokus ketika memasak sehingga ada kalanya masakan hangus dan beliau terlupa menutup suis api di dapur.

Menurut Informan 3 (komunikasi peribadi, April 26, 2023), beliau mempunyai perniagaan sendiri, namun perniagaannya hampir lumpuh kerana kesukaran untuk menumpukan perhatian ketika bertugas, sekali gus memberi impak kepada pendapatan isi rumah. Selain itu, beliau semakin kurang memberikan perhatian kepada anak-anaknya, sedangkan sebelum kejadian berlaku beliau sering melayani mereka memandangkan beliau bekerja sendiri. Beliau juga kerap memikirkan nasib anak-anaknya pada masa akan datang. Di samping itu, beliau menjadi mudah lupa dalam pelbagai urusan temu janji, sedangkan keadaan tersebut tidak pernah berlaku sebelum ini.

Menurut Informan 4 (komunikasi peribadi, April 24, 2023), beliau bertugas sebagai pendandan rambut dan selepas kejadian tersebut berlaku, beliau kurang menumpukan perhatian sehingga memberikan kesan terhadap hasil dandanan rambut pelanggan. Keadaan ini menyebabkan beliau terpaksa membayar ganti rugi akibat dandanan rambut yang tidak menjadi dan seterusnya berhenti seketika daripada menerima pelanggan. Selain itu, tugas-tugas rumah sering diabaikan sehingga rumah kelihatan berselerak, malah jadual waktu memasak juga kerap terabai, sekali gus memberi kesan kepada ahli keluarga khususnya anak-anak. Di samping itu, beliau menjadi seorang yang pelupa dan banyak temu janji terpaksa dibatalkan kerana terlalu memikirkan kejadian yang berlaku.

Bagi tekanan emosi, gejala yang paling ketara ialah ‘kecewa’. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), ‘kecewa’ bermaksud dukacita atau hampa kerana cita-cita, harapan, atau kehendak tidak tercapai. Secara psikologi, kecewa merupakan bentuk emosi yang melibatkan rasa tidak berdaya, kecenderungan untuk tidak melakukan apa pun dan menjauh daripada situasi (Rahimi *et al.,* 2019). Ia juga manifestasi yang lazim dalam kehidupan manusia sebagai dialektik antara rasa kecewa dan rasa puas (Rahardi, 2021), sering muncul apabila harapan tidak selari dengan realiti yang terjadi (Feoh, 2020). Menurut pakar psikologi (In5) (komunikasi peribadi, Mac 23, 2023), kejadian yang berlaku menimbulkan banyak persoalan kepada mangsa keadaan, lantas menghadirkan rasa malu, rendah diri, dan kecewa, sebagaimana dibuktikan dalam dapatan semua informan.

Menurut Informan 1 (komunikasi peribadi, April 15, 2023), beliau berasa amat kecewa dengan pihak PAID kerana telah memberikan sepenuh kepercayaan kepada mereka untuk menghalalkan hubungan perkahwinan tersebut. Menurut beliau, perkahwinan itu bukanlah dilakukan dalam keadaan terdesak kerana masih terdapat wali-wali lain, termasuk adik lelaki kepada isterinya, malah arwah ibu isterinya juga masih hidup ketika itu untuk memberikan bukti keterangan berkaitan status wali abang. Namun begitu, tiada siasatan lanjut dilakukan oleh pihak PAID bagi mengesahkan status wali tersebut. Sebaliknya, mereka hanya menawarkan jalan pintas dengan menyarankan agar beliau dan pasangan pergi sendiri ke mahkamah untuk pembubaran perkahwinan tanpa melibatkan pihak PAID.

Menurut Informan 2 (komunikasi peribadi, April 18, 2023), beliau menyatakan rasa kekecewaan yang amat mendalam terhadap pihak PAID kerana telah mengkhianati kepercayaan yang diberikan sepenuhnya kepada mereka dalam menguruskan urusan perkahwinan beliau. Menurut beliau, kepercayaan tersebut diletakkan dengan penuh harapan agar perkahwinan itu dapat dilaksanakan secara sah, teratur dan menepati kehendak undang-undang serta hukum syarak, namun tindakan pihak berkenaan telah menyebabkan beliau berasa dianiaya dan hilang keyakinan terhadap pengurusan yang sepatutnya dilaksanakan oleh pihak berautoriti.

Menurut Informan 3 (komunikasi peribadi, April 26, 2023), beliau menyatakan rasa kekecewaan yang mendalam dan berasa seolah-olah dikhianati oleh pihak PAID, sedangkan semua polisi dan prosedur yang ditetapkan telah dipenuhi sepenuhnya tanpa mengabaikan mana-mana syarat. Menurut beliau, perkahwinan tersebut turut dilangsungkan di salah satu bahagian di pejabat pihak berkenaan, dan sekiranya perkahwinan itu sememangnya dipertikaikan sejak awal, seharusnya ia dihentikan ketika itu juga. Tambahan pula, apabila sijil nikah mereka hilang pada tahun 2020 dan tuntutan semula dibuat di pejabat yang sama, tiada sebarang pertikaian terhadap status perkahwinan tersebut dibangkitkan. Keadaan ini menyebabkan beliau berasa amat kecewa dan menganggap dirinya telah dikhianati oleh pihak yang sepatutnya dipertanggungjawabkan dalam menguruskan hal perkahwinan tersebut.

Menurut Informan 4 (komunikasi peribadi, April 24, 2023), beliau menyatakan rasa kekecewaan yang amat mendalam terhadap pihak yang lebih mahir dalam urusan tersebut kerana semua dokumen telah diserahkan sepenuhnya seperti yang diminta dan tiada alasan yang munasabah untuk berlakunya kesilapan dalam mengesahkan status abang beliau sebagai wali. Menurut beliau, sekiranya pihak berkenaan masih mempunyai keraguan, mereka sepatutnya memanggil ibu beliau yang masih hidup ketika itu sebagai saksi keterangan bagi mengesahkan kelahiran abang beliau yang pramatang.

Tuntasnya, semua mangsa keadaan daripada kedua-dua pasangan yang dipohon oleh PAID untuk melakukan pembubaran perkahwinan mengalami kesan buruk dalam kehidupan mereka. Kesihatan mental terjejas dengan dua kesan utama yang ketara iaitu kemurungan dan tekanan emosi sebagaimana dibuktikan melalui laporan perubatan yang disediakan oleh kesemua mangsa keadaan. Kesan ini tidak hanya menimpa seorang individu, bahkan melibatkan empat individu, dan berpotensi memberi kesan jangka masa panjang terhadap anak-anak mereka yang turut digelar sebagai AWS. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menjadikan anak-anak sebagai informan utama memandangkan mereka masih kecil dan kebolehpercayaan data yang bakal diperoleh berisiko dipertikai. Berikut disertakan ringkasan dapatan khusus bagi gejala-gejala di bawah dua kategori masalah kesihatan mental tersebut:

Jadual 3. Dapatan Khusus bagi Gejala Masalah Kemurungan yang dihadapi oleh Empat Orang Mangsa Keadaan Selepas Pembubaran Perkahwinan

Bil.	Masalah Kemurungan	Kod	Catatan
1.	Sukar Menumpukan Perhatian	R1	Saya sukar fokus dalam *meeting* dan prestasi kerja saya menurun. Saya tidak fokus mendengar cerita anak-anak sewaktu di rumah. Saya juga menjadi seorang pelupa kerana perlu mengulangi pembacaan berkali-kali. Saya juga mengambil waktu yang lama untuk menghabiskan cerita di Netflix kerana sering terlupa jalan cerita.
2.	Sering Marah	R3	Saya sering bertengkar dengan isteri atas alasan yang tidak munasabah. Bila isteri lambat mengemas rumah saya akan menengking isteri saya sedangkan sebelum ini saya sendiri akan bantu mengemas.
3.	Kesukaran Tidur	R1	Saya betul-betul susah nak lelapkan mata dan sering terkejut serta berdebar. Suatu hari saya pernah dikejarkan ke Hospital Serdang kerana sukar bernafas. Saya disahkan mengalami *panic attack* oleh doktor. Walaupun ada mendapatkan rawatan, namun kesukaran tidur ini masih berlarutan sehingga saya perlu mengambil ubat tidur dalam *dose* yang dinasihatkan oleh doktor.
4.	Hilang Selera Makan	R3	Selera makan saya telah berubah sejak terjadi kes ni. Sebelum ni saya makan lebih dari tiga atau empat kali sehari. Sekarang saya cuma makan satu atau dua kali sehari.
5.	Kurang Keyakinan Diri	R2	Saya sering merasakan saya bukan ibu dan isteri yang baik untuk suami dan anak-anak saya. Saya kesian pada suami kerana menjadikan saya isteri.
6.	Bersendirian	R1	Saya lebih suka bersendirian berbanding bersama isteri dan anak-anak. Saya tiada mood untuk keluar berjumpa kawan-kawan. Saya jarang menghadiri aktiviti yang dianjurkan oleh syarikat atau aktiviti luar.
7.	Kurang Bercakap	R4	Saya menjadi kurang bercakap dengan suami dan keluarga saya sedangkan sebelum ini saya orang yang paling ceria. Saya banyak berdiam diri dan bermain telefon.

Jadual 3. Dapatan Khusus bagi Gejala Masalah Kemurungan yang dihadapi oleh Empat Orang Mangsa Keadaan Selepas Pembubaran Perkahwinan (*sambungan...*)

Bil.	Masalah Kemurungan	Kod	Catatan
8.	Rendah Diri	R4	Saya rasa rendah diri bila berhadapan dengan seseorang. Saya merasa semua orang berkata tidak elok tentang diri saya. Disebabkan anak saya ada surat lain selepas surat beranak, saya menjadi rendah diri disebabkan perkara tersebut.
9.	Sering Termenung	R3	Saya lebih kerap termenung mengenangkan nasib anak-anak saya. Saya berfikiran buruk mengenai sangkaan orang luar jika mereka tahu status perkahwinan kami telah pun difaraqkan.
10.	Hilang Fokus	R2	Saya hilang fokus pada anak-anak. Saya sering bagi anak-anak makan lambat dan terleka ketika masak sehingga makanan saya masak menjadi hangus. Kadangkala baju sekolah anak juga saya terlupa untuk gosok.

Jadual 4. Dapatan Khusus bagi Gejala Masalah Tekanan Emosi yang dihadapi oleh Empat Orang Mangsa Keadaan Selepas Pembubaran Perkahwinan

Bil.	Masalah Tekanan Emosi	Kod	Catatan
1.	Sedih dan Menangis	R2	Saya sangat mudah menangis memikirkan nasib anak-anak saya yang menjadi mangsa status anak wati syubhah. Saya selalu memikirkan pandangan masyarakat dan saudara mara kerana tiada peluang untuk memberikan penjelasan.
2.	Bimbang	R4	Saya bimbang tentang masa depan anak-anak saya terutamanya soal perkahwinan mereka. Saya amat menyukai budak-budak, tetapi saya bimbang untuk mendapat anak selepas kes *faraq* ini kerana tarikh nikah kami berubah.
3.	Kecewa	R1	Saya rasa sangat kecewa kerana telah memberi sepenuh kepercayaan kepada jabatan agama Islam. Perkara ini sepatutnya dicegah sewaktu kami mendaftarkan perkahwinan sebelum ini. Perkahwinan kami juga bukan dilakukan dalam keadaan terdesak dan ada pilihan wali yang lain. Arwah ibu juga masih hidup pada ketika itu untuk memberi keterangan. Kami juga kecewa dengan PAID dalam menguruskan kes kami kerana tiada siasatan lanjut dilakukan.
4.	Hilang Semangat	R1	Saya tidak bersemangat melakukan tugasan kerja saya. Saya seringkali berbaring, tidur atau melayari internet tanpa sebarang tujuan. Saya juga tidak bersemangat bermain dengan anak-anak dan melakukan kerja-kerja rumah. Saya seakan hilang mood dan badan mudah rasa letih tanpa sebarang sebab.
5.	Jiwa Kosong	R3	Saya sangat mudah meninggalkan solat lima waktu. Saya kuatkan diri juga untuk solat kerana Allah sahaja yang mampu bantu saya di waktu yang "*struggle*" ini. Kadang saya rasa lebih baik saya mati dari teruskan hidup di dunia yang kejam ini.
6.	Mudah Terasa	R2	Saya mudah terasa bila berada di tempat orang ramai apabila melihat mereka berbisik sesama mereka. Padahal saya tidak tahu mereka bercakap tentang saya atau tidak. Saya juga mudah terasa pada gurauan seolah-olah ditujukan pada saya.
7.	Memberontak	R4	Saya pernah memberontak dengan mengambil kunci kereta seolah ingin lari dari suami disebabkan pergaduhan yang berlaku. Saya marahkan anak dan suruh mereka jangan ganggu saya selama 10 jam di dalam bilik dan biarkan mereka bersama ayah mereka.

Kesimpulan

ATST ialah anak yang dilahirkan di luar nikah, sama ada hasil daripada zina atau rogol. Ia juga merujuk kepada anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan dua *lahzah qamariyyah* dari waktu akad nikah dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhah. Manakala anak yang dilahirkan melebihi enam bulan dua *lahzah qamariyyah* selepas akad nikah, dan terdapat bukti dari segi hukum syarak bahawa anak tersebut ialah anak luar nikah melalui *iqrār* (pengakuan) oleh pihak yang berkenaan, sama ada suami, isteri atau salah seorang daripadanya, atau berdasarkan keterangan empat orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syarak. Sehubungan itu, meskipun abang yang menjadi wali dalam kes ini

dilahirkan secara pramatang, iaitu kurang daripada enam bulan dari waktu akad nikah kedua ibu bapanya, beliau tetap dikategorikan sebagai anak yang sah taraf menurut hukum syarak. Hal ini berasaskan kepada hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (Hadis 6818) yang bermaksud: "Anak itu untuk hamparan (*al-firāsh*, iaitu hubungan sah bersama isteri), dan bagi penzina itu adalah batu (yakni tidak mendapat hak nasab)". Berdasarkan konsep ini, pihak berwajib yang mengurus hal ehwal pernikahan sewajarnya menerapkan konsep *tabayyun* dalam urus tadbir bagi menjaga kemaslahatan umat. Pihak PAID dalam kes ini didapati gagal melakukan semakan dan penelitian menyeluruh terhadap dokumen-dokumen wali yang didakwa sebagai ATST. Dakwaan tersebut merupakan tuduhan melampau terhadap wali, sedangkan terdapat saksi dan bukti boleh memperkukuh keterangan bagi membuktikan kesahtarafan.

Kecuaian ini mengakibatkan kedua-dua pasangan terpaksa menanggung beban psikologi yang berat selepas pernikahan mereka dibubarkan. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat dua kesan psikologi utama yang dialami, iaitu kemurungan dan tekanan emosi. Sepuluh gejala kemurungan dikenal pasti: sukar menumpukan perhatian, sering marah, kesukaran tidur, hilang selera makan, kurang keyakinan diri, bersendirian, kurang bercakap, rendah diri, sering termenung dan hilang fokus. Sementara itu, tujuh gejala tekanan emosi pula ialah: sedih dan menangis, bimbang, kecewa, hilang semangat, jiwa kosong, mudah terasa dan memberontak. Oleh yang demikian, kajian ini berpandangan bahawa tidak wujud isu nikah syubhah sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh pegawai PAID, sebaliknya ia hanyalah nikah syubhah yang diragui status syubhahnya. Sekiranya dakwaan melampau tersebut tidak dibuat, nescaya kehidupan pasangan berkenaan kekal harmoni tanpa dibebani tekanan psikologi yang berat.

Tuntasnya, pihak berwajib perlu lebih serius menangani sikap sambil lewa, kecuaian dan kurang rasa tanggungjawab dalam semua peringkat urus tadbir, khususnya di jabatan kerajaan yang mengurus hal ehwal Islam. Konsep *tabayyun* perlulah diterapkan dalam setiap prosedur bagi memastikan semua dokumen yang dikemukakan oleh masyarakat disemak dan diteliti secara menyeluruh sebelum sebarang keputusan atau dakwaan dibuat. Kajian lanjutan amat diperlukan pada masa hadapan untuk menilai sejauh mana prinsip *tabayyun* diaplikasikan oleh pihak mahkamah dalam mengendalikan kes-kes seperti ini, agar keadilan dapat ditegakkan selaras dengan tuntutan syarak.

Rujukan

Abd Ralip, M. I. (2011, November 25). *"Perbezaan hak anak luar nikah, kahwin syubhah".* ePondok. https://epondok.wordpress.com/2011/11/25/perbezaan-hak-anak-luar-nikah-kahwin-syubhah/

Abdul Mutalib, L. A., & Sawan, O. I. A. (2023). Pengesahan anak tidak sah taraf: Protokol pengajaran dan pembelajaran perundangan syariah menggunakan metode kajian kes. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, *11*(1), 154-169. https://doi.org/10.33102/mjsl.vol11no1.427

Abdul Mutalib, L. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, S., Hashim, H., Mamat, Z., & Yusof, N. (2021). Pengesahan taraf anak mengikut amalan di mahkamah Syariah di Malaysia dan hubungannya dengan pandangan mazhab fikah muktabar. Dalam *7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT),* (pp. 783–802). Universiti Sains Islam Malaysia.

Ahyar, K. (2021). Perwalian anak bil ma'i syubhah: Kajian terhadap putusan penolakan isbat nikah. *Nizham Journal of Islamic Studies*, *9*(1), 27-37. https://doi.org/10.32332/nizham.v9i01.3410

Al-Bahusayn, Y. A. W. (2011). *Al-Mufassal fi al-qawaid al-fiqhiyyah*. Dar al-Tadmuriyyah.

Al-Bukhari, M. I. (1422H). *Sahih al-Bukhari.* Darul Tuq al-Najah.

Al-Jazari, A. R. (2003). *Al-Fiqh 'ala al-Mazahibi al-Arba'ah.* Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

Al-Kasani, A. B. (2003). *Bada'i' al-Sana'i.* Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Khin, M., Al-Bugha, M., & Al-Sharbaji, A. (1996). *Al-Fiqh al-manhaji 'ala mazhab al-Imam al-Syafie.* Dar al-Qalam.

Al-Maraghi, A. M. (1974). *Tafsir al-Maraghi.* Dar al-Fikr.

Al-Najati, U. (1993). *Al-Quran wa 'Ilm al-Nafs.* Dar al-Shuruq.

Al-Sarakhsiy, S. (1989). *Al-Mabsut.* Dar al-Ma'rifah.

Al-Sartawiy, M. A. (1997). *Sharh qanun al-ahwal al-syahsiyyah.* Dar al-Fikr.

Al-Tirmizi, M. (1975). *Sunan al-Tarmizi*. Matba'ah al-Bab al-Halabi.

Al-Zuhaili, M. (2007). *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*. Dar al-Qalam.

Al-Zuhaili, W. (2007). *Al-Fiqh al-islamiyy wa adillatuh*. Dar al-Fikr.

An-Nadwi, A. A. (1993). *Al-Qawaid al-fiqhiyah.* Dar al-Qalam.

Azziz, R., Jailani, R. F., Sahid, M. M., & Hasbullah, M. (2021). Child's lineage of al-li'an (oath of condemnation) and his inheritance rights: A comparative study between Islamic and malaysian law. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, *9*(1), 1–16.

Bahadin, S. A. (2019). *Pengantar psikologi*. Universiti Utara Malaysia (UUM).

Cohen, L., Manion, L., & Morisson, K. (2000). *Research methods in education*. Croom Helm.

Creswell, J. W. (2002). *Research design: qualitative and quantitative approaches*, United Kingdom Sage.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2012). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dhawiyyan, I. (2007). *Manar al-sayl fi syarh al-dalil.* Dar al-Nafa'is.

Feoh, F. T. (2020). Studi fenomenologi: Stress narapidana perempuan pelaku human trafficking. *Jurnal Ilmiah Ilmu Keperawatan, 11*(3), 7-16.

Firdaus, A. G. (2013). *"Memahami masalah kesihatan mental"*. Kementerian Kesihatan Malaysia. http://www.myhealth.gov.my/memahami-masalah-kesihatan-mental/

Hashim, F. Y., Che Ngah, A., Yahya, M. A., & Mohd Shariff, A. A. (2021). Penentuan nasab melalui prinsip undang-undang keterangan Islam. *Malaysian Journal of Law & Society*, *28*, 57-66. https://doi.org/10.17576/juum-2021-28-06

Hazni, N. H. (2023). *Penasaban anak kelahiran kurang enam bulan: Kajian terhadap keperluan pelaksanaannya berasaskan fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis* (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia). Universiti Utara Malaysia Research Repository. https://etd.uum.edu.my/id/eprint/11003

Humaira. (2023). *Laporan perubatan R3 & R4* (Laporan tidak diterbitkan). Unit Psikologi & Kaunseling, Pejabat Kesihatan Daerah.

Ibn Jarir, A. J. (1987). *Jami' al-bayan fi ta'wil al-Quran.* Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Ibn Khatir. (2008). *Tafsir Ibnu Kathir.* Pustaka Imam Syafii.

Ibn Nujaym, S. Z. (1999). *Al-Asybah al-naza'ir al-mazhab wa turuq al-istinbat fi al-tasyri' al-Islamiy*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Qudamah, A. M. (1969). *Al-Mughniy*. Maktabah al-Qahirah.

Ibrahim, B., & Mohamed Hashim, M. (2015). *Anak zina menurut hukum syarak & undang-undang sivil.* Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.

Ikmal Hisham, A. I. (2013). Kaedah hitungan enam bulan dua lahzah mengikut taqwim hijriy untuk penentuan status sah nasab serta beberapa furu' masa'il. Dalam *Proceeding of Muzakarah Falak Kebangsaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),* (pp. 1–12).

Ismail, P. (2013). Anak tidak sah taraf dari perspektif syariah dan perundangan Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, *10*, 77-90.

Jabatan Mufti Negeri Selangor (2005, April 25). *"Garis panduan mengenai anak tidak sah taraf menurut hukum Syara'"*. Jabatan Mufti Negeri Selangor. https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-tentang-garis-panduan-mengenai-anak-tak-sah-taraf-menurut-hukum-syara/

James, W. (1890). *The principles of psychology.* Henry Holt and Company.

Karunia, A. & Cahyanti, I. Y. (2016). Pengaruh psikoedukasi tentang pengetahuan ADHD terhadap kemampuan guru dalam melakukan deteksi dini masalah ADHD pada siswa dan keterampilan intervensi kelas. *Jurnal INSAN: Jurnal Psikologi dan Kesihatan Mental*, *1*(1), 1-11.

Kasa, M. (2019). *Penasaban anak tidak sah taraf menurut perspektif maqasid syariah* (Unpublished undergraduate thesis). Universiti Sultan Zainal Abidin.

Khalilurrahman, M., Eficandra, E., & Alfiander, D. (2022). Sharia-based customs in unregistered marriage rules (case study in Rambatan village, west Sumatra). *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*, *7*(2), 579–596. https://doi.org/10.29240/jhi.v7i2.5543

Md. Sham, F. (2005). Tekanan emosi remaja Islam. *Journal of Islamic Studies*, *27*(1), 3-24.

Morstt, D. R., & Furst, M. L. (1979). *Stress for success*. Van Nostrand Reinhold Company.

Muhammad, H., Mohd Arif, M. I. A., Ismail, C. Z., Mohd Noor, N. A., Yahaya, S., & Engku Ali, E. M. T. (2021). Pandangan masyarakat dan status perundangan terhadap anak tidak sah taraf. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, *4*(2), 1-13.

Musa, Z., Mohd Kusrin, Z., Alias, M. N., & Muhammad Hashim, N. (2023). Penasaban dan pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf orang Islam di Malaysia dan negara Asia lain. *Islāmiyyat: International Journal of Islamic Studies*, *45*(2), 15-33.

Mustaffa, M. S., & Abd Rahim, N. D. (2012). Kesan psikologi dan bentuk sokongan anak deraan seksual. *Journal of Educational & Counseling*, *6,* 30-49.

Noor, Z. (2018). Status dan hak anak tak sah Islam dalam undang-undang di Malaysia. *Sains Humanika*, *10*(3-4), 61-69. https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-4.1539

Patton, Q. M. (2002). *Qualitative evaluation methods*. Sage Publications.

Qal'aji, M. R. (2000). *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Muyassarah.* Dar al-Nafa'is.

Rahardi, R. K. (2021). Emotikon sebagai konteks maksud dalam cyberpragmatics. *Jurnal Sawerigading*. *27*(2), 277-289.

Rahimi, R. N., Erlyani, N., & Mayangsari, M. D. (2019). Efek interpersonal dari ekspresi emosi kecewa terhadap perilaku prososial pada siswa sekolah menengah atas di Kecamatan Gambut. *Jurnal Kognisia*, *2*(2), 126-133.

Richard, S. L. (1993). Why we should think of stress as a subset of emotion. Dalam L. Goldberger & S. Breznitz (Eds.), *Handbook of stress: Theoretical and clinical aspects* (2nd ed., pp. 87–103). The Free Press.

Rifqi, M. J., Nadhifah, N. A., Hadi, M. N., Junaidy, A. B., & Solikin, A. (2025). children's legal identity at stake: Reconstructing maqasid al-syari'ah through marriage isbat applications by the second generation in Pasuruan. *El-Mashlahah, 15*(1), 125-148.

Rohmat, R. (2017). Kedudukan wali dalam pernikahan: Studi pemikiran Syâfi'îyah, Hanafiyah, dan praktiknya di Indonesia. *Al-'Adalah*, *8*(2), 165-178. https://doi.org/10.24042/adalah.v10i2.253

Roslan, M. M. (2023). Hubungan kesan psikologi dan masalah sosial dengan teori hifz al-nafs dalam fatwa penamaan nasab anak tak sah taraf: Analisis Fatwa Kebangsaan. *Jurnal Pengajian Islam, 16*(1), 86-100. https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.240

Salleh, A. H., & Kadir, D. R. (2014). Kajian mengenai hubungan antara kemurungan, kebimbangan dan tekanan dengan tret personaliti di kalangan pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam *Proceedings of the International Counseling Conference and Work*, (pp. 64-73).

Saroji, S. (2022). *Laporan Mahkamah Rendah Syariah* (Unpublished document). No. Kes: 10023-042-XXXX-2022. Selangor Darul Ehsan.

Shalabiy, M. M. (1999). *Aḥkam al-Mawarith baina al-Fiqh wa al-Qanun*. Dar Yafa al-'Ilmiah.

Soleh, I. M. (2013). *Al-Tsamr al-Daani fi Taqrib al-Ma'ani Syarh Risalah Ibn Abi Zaid al-Qoyrowani*. Cetakan *Turath for Solution*.

Syamma', M. (1995). *Al-Mufīd min al-Abhath fi Ahkam al-Zawaj wa at-Talaq wa al-Mirath.* Darul Qalam.

Tetuan Nur & Muim Farhana. (2022). *Fail penghakiman kes bagi pasangan (R1, R2) & (R3, R4)* (Unpublished document). Associates Peguam Syarie Plaintif, Negeri Sembilan.

Tyerman, A. (2003). *Psychological effect of brain injury*, Headway: The Brain Injury Association.

Wan Ismail, W. A. F., Hashim, H., Abdul Shukor, S., & Harun, A. (2018). Faraq perkahwinan bagi pasangan tak sah taraf di Negeri Sembilan. *International Journal of Islamic Thought*, *13*(1), 124-134.

Yusof, M. F., Ghazali, M. A., Rosman, A. S., & Nizar, T. J. (2015). *Maqasid syariah dalam pelaksanaan hukuman hudud ke atas pesalah zin*a. Dalam: (Editor, Farahwahida Mohd Yusof) Maqasid Syariah & Sains, UTM Press. Pp. 41-64.

Yusof, N. (2016). Pengurusan elemen psikologikal sebagai persediaan menghadapi bencana: Satu kajian kualitatif terhadap mangsa banjir di Kelantan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, *30*(2), 74-81.

Zaidan, A. K. (1994). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*, Mu'assasah al-Risalah.